

28/12/2000

Penahanan pemimpin Keadilan bukan berbau politik: PM

PUTRAJAYA, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan tindakan polis menahan beberapa pemimpin pembangkang dari Parti Keadilan Nasional (Keadilan) baru-baru ini, adalah proses biasa undang-undang dan bukan berbau politik.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berharap penahanan itu tidak dijadikan modal politik mana-mana pihak atau diputarbelitkan oleh media asing sebagai tindakan terhadap pemimpin pembangkang.

"Mereka (yang ditahan) itu bukan pemimpin pembangkang. Mereka melanggar undang-undang sedia ada sedangkan merekalah individu yang bercakap mengenai konsep kedaulatan undang-undang.

"Mereka beranggapan konsep kedaulatan undang-undang hanya boleh dilaksanakan terhadap orang lain tetapi tidak pada diri mereka sendiri. Mereka sebenarnya berlagak seolah-olah diri mereka terkecuali daripada tindakan undang-undang, tetapi undang-undang di Malaysia adalah untuk semua orang walau menteri atau keluarga diraja sekalipun tidak terkecuali," katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Rumah Terbuka sempena Aidilfitri di Seri Perdana di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan media asing yang mendakwa penahanan lima pemimpin Keadilan, termasuk Ketua Pemuda, Mohamed Ezam Mohd Nor dan Ahli Majlis Tertinggi, Mohd Azmin Ali semalam, sebagai penahanan ketua parti pembangkang.

Mohamed Ezam dan Mohd Azmin ditahan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang, kerana disyaki terbabit dalam perhimpunan haram dan rusuhan ketika pilihan raya kecil di Lunas pada 29 November lalu.

Bagaimanapun kedua-duanya dibebaskan beberapa jam kemudian selepas keterangan mereka diambil dengan jaminan polis.

Dr Mahathir meminta media asing supaya memahami konsep kedaulatan undang-undang yang jelas menyatakan tidak ada individu terkecuali daripada tindakan undang-undang.

"Saya harap media (asing) dapat faham sama ada anda pembangkang atau tidak, jika anda melanggar undang-undang, anda perlu menghadapi akibatnya. Itulah erti sebenar konsep kedaulatan undang-undang yang menuntut kesaksamaan," katanya.

Beliau berkata, jika media asing gagal memahami konsep itu, tentu sekali mustahil bagi mereka melihat tindakan polis atau kerajaan terhadap mana-mana pembangkang yang melanggar undang-undang sebagai tindakan yang adil.

"Malah kerana salah tafsiran mengenai konsep kedaulatan undang-undang itu banyak media asing berpendapat parti pembangkang terkecuali daripada tindakan jika mereka didapati bersalah kerana melanggar undang-undang.

"Jika anda tidak dapat memahami konsep ini, tentu sekali mustahil bagi anda menerimanya. Akan wujud satu pandangan parti pembangkang atau mana-mana individu dari parti pembangkang adalah golongan istimewa... tidak, mereka tidak mendapat hak istimewa ini. Jika mereka melanggar undang-undang, mereka terpaksa menghadapi akibat daripada perbuatan mereka," katanya.

Menjawab soalan media asing sama ada penahanan mereka adalah permulaan operasi besar-besaran terhadap pemimpin pembangkang, Dr Mahathir berkata: "Tidak. Mereka ditahan diatas sebab tertentu. Undang-undang itu sedia ada, dan jika ia sudah dicabuli, tentu sekali tindakan akan diambil terhadap mereka. Mereka kini perlu menghadapi akibatnya dan tidak ada yang akan

terkecuali daripada tindakan.

"Mungkin kita patut faham, penahanan mereka dibuat bukan kerana mereka ahli pembangkang, tetapi mereka ditahan kerana melanggar undang-undang," katanya.

(END)